

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : ISU KESESAKAN DI SERI KEMBANGAN

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakan Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan isu kesesakan di kawasan Seri Kembangan? Ia juga melibatkan persimpangan jalan yang berkaitan di sepanjang Jalan Besar dan Jalan Putra Permai.

JAWAPAN:

- a) Jalan Besar dan Jalan Putra Permai adalah Jalan Persekutuan FT3215. Pihak JKR Selangor telah memohon kepada Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk diangkat dalam Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Ke-11. Selain itu, bagi mengurangkan kesesakan dari Putra Permai ke Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), pihak JKR Selangor telah mensyaratkan kepada Tetuan Lembah Penchala Sdn Bhd untuk menaiktaraf persimpangan Jalan Putra Permai / LDP melalui kelulusan permohonan Kebenaran Merancang pada Mac 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2019

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menjadikan tahun 2019 sebagai tahun melawat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk Tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk menjadikan Tahun 2019 sebagai Tahun Melawat Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor telah menjalinkan kerjasama dan kolaborasi yang erat bersama pihak Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia untuk membuat persediaan, dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di dalam dan luar negara, bagi mempromosikan Negeri Selangor melalui **kempen Melawat Malaysia 2020 (VM2020)** yang membawa slogan, **Malaysia Truly Asia**. Beberapa Kempen Promosi Pelancongan di peringkat Negeri Selangor yang dijalankan oleh pihak Tourism Selangor dan masih dijalankan sehingga kini, adalah seperti yang berikut:-
- i. **Kempen “Discover Selangor, Heart of Malaysia”** yang dilancarkan pada Tahun 2016 selepas penganjuran Kempen Tahun Melawat Selangor 2015 yang giat dijalankan. Kempen ini mensasarkan hebahan publisiti ke peringkat global di mana komponen dan pengisian kempen lebih menekankan kepada demografi Negeri Selangor dan beberapa segmen pelancongan yang lebih fokus iaitu, MICE (Meeting Incentive, Conference and Exhibition), Pelancongan Kesihatan, Pelancongan Alam Semulajadi dan Pelancongan Sukan.
- ii. **Kempen Promosi Digital “Discover Selangor, #TakeMeAnywhere”** yang dilancarkan pada awal tahun ini (Januari 2018) melalui platform digital google, youtube dan media sosial. Kempen Digital ini memberikan fokus terhadap kemudahan dalam aspek perhubungan dan pengangkutan yang ada di Negeri Selangor yang memudahkan para pelancong untuk menerokai tempat-tempat yang menarik yang ada di Negeri Selangor.
- c) **Usahasama Tourism Selangor bersama Syarikat Penerbangan melalui pengiklanan di pesawat syarikat penerbangan tempatan.** Ini memberikan satu impak yang besar kepada industri pelancongan Negeri Selangor dan menarik lebih ramai pelancong melawat ke kawasan pelancongan yang diiklankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA SELANGOR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memasukkan agenda pemerksaan bumiputera dalam belanjawan 2019?
- b) Senaraikan usaha pemerksaan bumiputera yang telah dilaksanakan dari 2016-2018.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS AKIBAT PEMBANGUNAN BARU

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan bahawa setiap pembangunan baru di sekitar perumahan lama tidak akan wujud sebarang masalah kesesakan lalu lintas dan masalah trafik di masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Setiap pembangunan baru yang melebihi had minimum di kehendaki mengemukakan Laporan TIA (Kajian Kesan Lalulintas) dan hasil daripada kajian tersebut, syarat-syarat menaiktaraf akan dikenakan ke atas pemaju berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : DIALISIS BUAH PINGGANG

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis yang semakin meningkat saban hari dengan kos semakin tinggi dan menjadi lebih mahal selain daripada Bantuan SMART Sihat?
- b) Apakah status perancangan Kerajaan Negeri untuk membina pusat-pusat dialisis milik Kerajaan Selangor? Apakah ada rancangan kerajaan membina sebuah pusat dialisis dalam kawasan Teratai? Jika ada, sila nyatakan lokasi.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri melalui Program Bantuan Sihat Selangor telah memperuntukan sebanyak RM5 juta bagi meringankan beban kos pesakit yang menjalani rawatan dialisis. Sehingga 16 November 2018, sebanyak 1,120 permohonan telah diluluskan dan seramai 315 orang pesakit telah mengemukakan tuntutan bayaran. Kerajaan Negeri turut membantu pesakit yang telah mendapat tajaan daripada pihak lain seperti Lembaga Zakat Selangor, PERKESO dan lain-lain pertubuhan. Bantuan ini bagi menampung kos yang tidak ditanggung oleh agensi tajaan berkenaan seperti ubatan dan suntikan tambahan.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan memperkasakan Program Gaya Hidup Sihat bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang pentingnya menjaga kesihatan dari aspek fizikal, pemakanan dan mental. Langkah ini seterusnya dapat mengurangkan kecenderungan untuk mendapat penyakit tidak berjangkit dan boleh mengurangkan bebanan kos rawatan kesihatan di masa depan.

- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pusat rawatan dialisis swasta sedia ada yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina atau mempunyai pusat dialisis sendiri memandangkan Kerajaan Persekutuan telah menyediakan rawatan dialisis di hospital-hospital kerajaan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pusat rawatan swasta yang terdapat di negeri Selangor bagi memudahkan pesakit mendapatkan rawatan di pusat rawatan swasta yang berhampiran dengan kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR**

(N42 MERU)

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memperbanyakkan program Rumah Selangorku di DUN Meru bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, perincian data RSKU direkod mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak diperincikan mengikut DUN. Meru merupakan kawasan dibawah penyeliaan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Sehubungan dengan itu, jumlah Rumah Selangorku yang direkodkan dibawah seliaan Majlis Perbandaran Klang yang sedang dalam pembinaan adalah sebanyak **3,438 unit** dan jumlah Rumah Selangorku yang telah siap dibina adalah sebanyak **879 unit**. Manakala sebanyak **6,143 unit** RSKU masih dalam perancangan. Jadual rumusan adalah seperti dibawah:-

Siap Dibina	Dalam Pembinaan	Dalam Perancangan
879	3,438	6,143
Jumlah Keseluruhan : 10,460 Unit		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan langsung asing yang masuk ke Negeri Selangor sejak Kerajaan Pakatan Harapan menjadi pemerintah di Malaysia?
- b) Berapa ramai pekerja yang diberhentikan kerja disebabkan oleh syarikat gulung tikar atau menamatkan operasi di Negeri Selangor tahun 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 sebanyak **83 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 3,095,846,952 (RM 3.096 bilion)**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 1,571,251,260 (50%)** adalah daripada pelaburan langsung asing dan sebanyak **RM 1,524,595,692 (50%)** daripada pelaburan tempatan.
- b) Berdasarkan statistik MIDA dari tahun 2016 hingga 2018 sebanyak 31,165 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada sebanyak 527 projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor.

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2016	242	16,427	4,529,119,807	3,351,647,567	7,880,767,374
2017	202	10,031	3,427,583,083	2,164,898,536	5,592,481,619
Jan-Jun 2018	83	4,707	1,524,595,692	1,571,251,260	3,095,846,952
Jumlah	527	31,165	9,481,298,582	7,087,797,363	16,569,095,945

Sumber : MIDA Negeri Selangor

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, seramai **569 orang pekerja telah diberhentikan** bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 disebabkan oleh syarikat gulung tikar atau menamatkan operasi di Negeri Selangor.

Tahun	Jumlah Majikan	Bilangan Pekerja Terlibat				Jumlah
		Pekerja Tempatan		Pekerja Asing		
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
2016	5	17	29	0	0	46
2017	28	113	199	5	3	320
2018	19	98	87	15	3	203
Jumlah	52	228	315	20	6	569

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : AIR SELANGOR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan Prestasi Kewangan dan Pengurusan Air Selangor sejak diambilalih.

- b) Apakah tindakan segera Air Selangor bagi memastikan tekanan air khususnya di DUN Permatang dalam keadaan yang baik?
- c) Apakah langkah Air Selangor bagi mengelakkan kekerapan gangguan air akibat paip pecah?

JAWAPAN:

- a) Prestasi Kewangan Air Selangor

Prestasi Kewangan Air selangor sejak tahun 2015 adalah seperti berikut:-

	Tahun Berakhir 31/12/15	Tahun Berakhir 31/12/16	Tahun Berakhir 31/12/17	Tempoh 1/1/18 sehingga 30/9/18
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan (Revenue)	517,010.00	1,945,450	1,979,600	1,496,444
Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Amortisasi (EBITDA)	(6,178,697)	229,424	181,913	86,846
Keuntungan Sebelum Cukai (PBT)	(6,386,767)	(964,502)	(1,094,850)	(921,130)

Soalan (b) dan (c) dijawab bersekali:-

1. Purata bacaan tekanan air di Kawasan Permatang berada ditahap 15mH dan adalah mencukupi bagi tekanan aliran bekalan ke kediaman penduduk.
2. Air Selangor telah merancang dan melaksanakan program secara berterusan dan berjadual bagi memastikan tekanan air berada dalam keadaan baik dan mengelakkan kekerapan gangguan ekoran insiden

paip pecah dengan pelaksanaan aktiviti - aktiviti berikut:

- Program Penggantian Paip Air Lama & Kritikal;
- Program Penggantian Paip Komunikasi;
- Pemantauan Aliran & Tekanan Air yang sistematik melalui Sistem Zon Pemeteran Daerah (“District Metering Zone”)
- Program Pengesanan Kebocoran Secara Aktif (“Active Leak Detection”);
- Pemantauan “pressure surge” di jajaran paip utama melalui Sistem “Pressure Transient Monitoring”.
- Pemantauan dan penguatkuasaan pengalihan paip-paip terlibat dalam projek-projek pihak ke-3 seperti pembangunan baru, pelebaran jalan dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : INSENTIF PELANCONGAN DI KUALA LANGAT

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif yang boleh dipohon oleh mereka yang berminat untuk menceburi dunia bidang pelancongan khususnya eko-pelancongan yang semakin menarik minat anak-anak muda di daerah Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri sentiasa menyokong penglibatan rakyat setempat di dalam industri pelancongan. Pelbagai usaha dan kaedah sokongan dan bantuan diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pengusaha dan penggiat industri pelancongan negeri membina perniagaan dan menambah pendapatan.

Antara bantuan dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah dari segi bantuan promosi produk dan tempat-tempat pelancongan yang berpotensi melalui Tourism Selangor serta penglibatan secara langsung atau tidak langsung pengusaha dan penggiat pelancongan ini di dalam program-program dan acara pelancongan yang diadakan di kawasan setempat.

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan satu program khas dikenali 'Hos Komuniti Pelancongan' sebagai persediaan menanti kehadiran pelancong asing dan tempatan ke negeri ini. Buat masa ini, seramai 20 peserta di setiap tiga daerah membabitkan daerah Klang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor telah dipilih untuk menyertai program Hos Komuniti ini.

Peserta-peserta dipilih melalui sesi temu duga yang dibuat di setiap PBT yang terlibat dan kini mereka akan didedahkan dengan modul asas pemanduan pelancong sepanjang enam bulan menjalani program terbabit. Keutamaan peserta diberikan kepada anak jati Selangor serta yang menetap dan bermastautin selama lebih 10 tahun. Peserta yang berjaya menjalani latihan akan menerima sijil yang diiktiraf Kementerian Pelancongan Malaysia.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri merancang untuk mengembangkan peluang latihan ini ke semua daerah-daerah lain termasuklah Daerah Kuala Langat selepas kajian impak keberhasilan program ini dilaksanakan apabila peserta-peserta yang sedang mendapatkan latihan ini selesai menjalani latihan.

Walau bagaimanapun, suka ditekankan di sini bahawa Kerajaan Negeri khususnya di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri tidak memberikan bantuan berbentuk bantuan kewangan secara langsung kepada pengusaha atau penggiat pelancongan. Namun demikian, anak-anak muda atau sesiapa sahaja yang berminat dalam menceburi industri pelancongan boleh mendapatkan bantuan Kerajaan Negeri melalui HIJRAH Selangor di bawah jenis perniagaan sektor perkhidmatan atau mana-mana sektor yang bersesuaian.

Pada masa yang sama, anak-anak muda di Kuala Langat boleh merujuk insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian Pertanian Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia untuk membangunkan program inap desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KILANG

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kilang haram telah dibersihkan di setiap PBT di Selangor dari 2016-2017?
- b) Apakah langkah terkini telah dilakukan dalam membanteras kilang haram di Selangor?
- c) Berapakah anggaran kerugian hasil kutipan cukai akibat dari kilang-kilang haram dari tahun 2015-2017?

JAWAPAN:

- a) Bilangan Kilang Haram yang telah dibersihkan di setiap PBT Negeri Selangor oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) adalah sebanyak **630 buah kilang**. Perincian bilangan kilang haram yang dibersihkan adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Kilang Haram Yang Dibersihkan (Unit)
1.	MBSA	91
2.	MBPJ	0
3.	MPSJ	0
4.	MPS	23
5.	MPKj	236
6.	MPK	100
7.	MPAJ	0
8.	MPSp	55

9.	MDKS	7
10.	MDKL	98
11.	MDHS	16
12.	MDSB	4
Jumlah Keseluruhan		630

- b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pemutihan Kilang Haram (PPKTK) Di Negeri Selangor bermula Julai 2006 sehingga 31 Disember 2015. Dalam tempoh tersebut pelbagai insentif dan kelonggaran dalam aspek teknikal dari pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Teknikal telah diberikan kepada pemilik berdaftar tanah (pengusaha kilang).

Insentif yang diberikan antaranya adalah pengurangan bayaran premium tambahan dan premium sebanyak 50 % jika dibayar dalam tempoh 3 bulan, pengurangan 30 % jika dibayar dalam tempoh 6 bulan dan pengurangan 10% jika dibayar dalam tempoh 9 bulan.

(*Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor)

- c) Tiada anggaran kerugian yang dihadapi oleh PBT. Untuk makluman Yang Berhormat juga, tafsiran 'pegangan' berdasarkan Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bolehlah ditafsirkan sebagai "mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan-bangunan di atasnya, yang dipegang di bawah suatu dokumen hakmilik yang berasingan dan, mengenai bangunan-bangunan yang dipecahbagi, ertinya harta bersama dan mana-mana petaknya.."

Oleh yang demikian, bagi mana-mana pegangan harta yang mempunyai dokumen hakmilik, ianya telah dikenakan cukai taksiran oleh pihak PBT. Sehubungan dengan itu, pihak PBT tetap mengenakan cukai taksiran terhadap kilang ini setelah 'dibersihkan'. Walau bagaimanapun, kilang-kilang haram yang sekiranya wujud akan dikenakan tindakan segera sama ada tindakan memberi notis, sitaan, perobohan atau pemutihan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : BANTUAN BENCANA KEBAKARAN DAN BANJIR

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan sumbangan bencana kebakaran kepada mangsa ?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan kepada mangsa bencana melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor dan akan meneruskan bantuan berdasarkan kadar sedia ada yang telah dikemaskini sehingga 31 Ogos 2017. Kadar bantuan adalah seperti jadual di bawah :-

Bil	Perkara	Kadar Maksimum
1.	Mangsa kebakaran a) Musnah keseluruhan b) Musnah sebahagian	RM 500.00 RM 250.00

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat juga agensi-agensi lain yang memberikan wang bantuan kepada mangsa bencana dengan kadar seperti di dalam jadual berikut :

BIL.	AGENSI	KADAR BANTUAN
1.	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)	MAKSIMUM RM 5,000 (rumah musnah akibat bencana)
2.	YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)	MINIMUM RM300 MAKSIMUM RM1000 – melibatkan kematian termasuk barangan keperluan (hanya untuk mangsa beragama islam)
3.	LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)	Banjir – MINIMUM RM100

		Ribut /Tanah Runtuh – RM 300 KEBAKARAN – RM 500 MAKSIMUM RM 5,000 (rumah musnah akibat bencana)
4.	YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)	RM200 untuk seorang anak (anak yang berdaftar dengan TAWAS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor memberi kemudahan wifi di sekitar flat ataupun pangsapuri?
- b) Berapa kelajuan wifi yang ditawarkan kepada pengguna di sekitar flat/pangsapuri?

JAWAPAN:

- a) Kemudahan WiFi Smart Selangor (WiFiSS) adalah disasarkan kepada kawasan tumpuan awam dan kawasan penduduk yang berpendapatan rendah. Bagi kawasan perumahan seperti pangsapuri, pemasangan WiFiSS akan dipertimbangkan sekiranya menepati kriteria yang ditetapkan tertakluk kepada ketersediaan infrastruktur yang berada di kawasan tersebut.
- b) Kelajuan WiFi adalah bergantung kepada infrastruktur jalur lebar yang sedia ada berhampiran dengan kawasan pangsapuri tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : USAHA PENYELIDIKAN DAN KONSERVASI OLEH PADAT

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan memberi perhatian dan peruntukan yang mencukupi terhadap usaha-usaha penyelidikan dan konservasi yang dilakukan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) khususnya berkaitan dengan sejarah awal Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri telah memberi perhatian dan peruntukan yang mencukupi kepada kerja-kerja penyelidikan dan pemuliharaan warisan bagi negeri Selangor.

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut telah dan sedang dalam tindakan melaksanakan penyelidikan tidak hanya terfokus kepada sejarah awal sahaja tetapi juga meliputi kepada penyelidikan mengenai warisan dan kebudayaan ketara dan tidak ketara.

Untuk makluman PADAT telah menerbitkan 7 penyelidikan mengenai sejarah, warisan dan budaya. Penerbitan buku ini telah mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor untuk dilancarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : KESIHATAN UNTUK ORANG ASLI

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah Orang Asli mengikut daerah di Negeri Selangor yang telah menerima Kad Peduli Sihat.
- b) Sila nyatakan jenis perkhidmatan kesihatan yang digunakan oleh kaum Orang Asli dengan Kad Peduli Sihat.
- c) Apa cadangan penambahbaikan perkhidmatan kesihatan untuk Orang Asli Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan Orang Asli yang menerima kad Peduli Sihat adalah sebanyak 3,656 kad atau anggaran seramai 14,624 orang akan menerima manfaat di bawah Program Skim Peduli Sihat. Pecahan mengikut DUN sehingga 16 November 2018 adalah seperti di **Lampiran**.
- b) Jenis perkhidmatan yang digunakan oleh Orang Asli bagi Kad Peduli Sihat merangkumi:
 - i. Perkhidmatan rawatan kesihatan asas dan susulan
 - ii. Pengambilan ubat
 - iii. Vaksinasi
 - iv. Pemeriksaan saringan kesihatan
- c) Cadangan penambahbaikan perkhidmatan untuk Orang Asli Selangor di bawah pelaksanaan Skim Peduli Sihat adalah seperti berikut :
 - i. Menambah klinik panel di sekitar kawasan tumpuan orang asli;
 - ii. Mempromosikan lebih banyak program kesedaran Skim Peduli Sihat;
 - iii. Menggalakkan penggunaan kemudahan Skim Peduli Sihat untuk digunakan bagi tujuan pemeriksaan saringan kesihatan.

Di samping itu, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada Orang Asli seperti:

- i. Pasukan kesihatan bergerak ke perkampungan orang asli untuk pemeriksaan kesihatan ibu dan anak serta pesakit luar oleh pasukan klinik bergerak dari Pejabat Kesihatan Daerah dan Seksyen Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli, Hospital Orang Asli, Gombak.
- ii. Perkhidmatan kesihatan di sekolah-sekolah oleh Pasukan Kesihatan Sekolah dari Pejabat Kesihatan Daerah.
- iii. Pada tahun ini, program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) akan dilaksanakan di perkampungan Orang Asli oleh Pasukan Kesihatan Bergerak dari Seksyen Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli, Hospital Orang Asli, Gombak.

LAMPIRAN

**MAKLUMAT BILANGAN ORANG ASLI YANG MENERIMA
KAD PEDULI SIHAT**

ADUN	JUMLAH
N01 SUNGAI AIR TAWAR	3
N02 SABAK	15
N03 SUNGAI PANJANG	7
N04 SEKINCHAN	5
N05 HULU BERNAM	7
N06 KUALA KUBU BAHARU	14
N07 BATANG KALI	145
N08 SUNGAI BURONG	4
N09 PERMATANG	20
N10 BUKIT MELAWATI	11
N11 IJOK	10
N12 JERAM	28
N13 KUANG	104
N14 RAWANG	78
N15 TAMAN TEMPLER	43
N16 SUNGAI TUA	50
N17 GOMBAK SETIA	75
N18 HULU KELANG	28
N19 BUKIT ANTARABANGSA	40
N20 LEMBAH JAYA	58
N21 PANDAN INDAH	3
N22 TERATAI	4
N23 DUSUN TUA	40
N24 SEMENYIH	143

N30 KINRARA	35
N31 SUBANG JAYA	31
N32 SERI SETIA	40
N33 TAMAN MEDAN	34
N34 BUKIT GASING	0
N35 KAMPUNG TUNKU	0
N36 BANDAR UTAMA	2
N37 BUKIT LANJAN	192
N38 PAYA JARAS	371
N39 KOTA DAMANSARA	25
N40 KOTA ANGGERIK	82
N41 BATU TIGA	0
N42 MERU	4
N43 SEMENTA	4
N44 SELAT KLANG	4
N45 BANDAR BARU KLANG	36
N46 PELABUHAN KLANG	12
N47 PANDAMARAN	13
N48 SENTOSA	6
N49 SUNGAI KANDIS	9
N50 KOTA KEMUNING	25
N51 SIJANGKANG	10
N52 BANTING	0
N53 MORIB	75
N54 TANJUNG SEPAT	449
N55 DENGKIL	236
N56 SUNGAI PELEK	8
KATEGORI KHAS (SMUE,OKU,ZAKAT,YIDE)	780
JUMLAH	3656

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : INDUSTRI DI PETALING JAYA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik industri-industri ke Petaling Jaya?
- b) Butirkan bilangan lot tanah industri yang kosong atau terbiar pada masa ini.

JAWAPAN:

- a) Invest Selangor selaku agensi penggalakkan pelaburan Kerajaan Negeri pada masa ini lebih menumpukan kepada kawasan-kawasan yang masih mempunyai pembangunan kawasan industri yang lebih banyak. Namun begitu, bagi kawasan Petaling jaya, potensi untuk sektor perkhidmatan seperti pergudangan dan logistik atau lain-lain perkhidmatan sokongan yang menyokong rantai sektor perkilangan dan juga e-dagang adalah berpotensi besar untuk berkembang di kawasan Petaling Jaya.

Berdasarkan keadaan pembangunan semasa di kawasan Petaling Jaya yang lebih tertumpu kepada pembangunan komersil dan perumahan serta kekangan kekurangan kawasan industri baru, maka tumpuan pelaburan lebih menjurus kepada aktiviti penambahan atau pengembangan pelaburan sedia ada. Industri sedia ada digalakkan untuk terus menambah pelaburan dan mengembangkan operasi mereka yang seharusnya juga perlu disokong dengan kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan sistem penyampaian (*delivery system*) yang lebih mesra pelabur.

- b) Bilangan lot tanah industri yang kosong atau terbiar pada masa ini.

BIL	JUMLAH	KAWASAN/DUN
1	Terdapat 1 lot kilang terbiar	No 2 JLN 13/6 Dun Bukit Gasing

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : KEMUDAHAN SUKAN

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan di Selangor?
- b) Berapakah peruntukan bagi setiap DUN untuk pembangunan sukan?
- c) Apakah hasrat Kerajaan Negeri bagi menyediakan kemudahan sukan diluar bandar seperti DUN Jeram?

JAWAPAN:

Soalan (a), (b) dan (c) dijawab bersekali:-

Kerajaan Negeri menitik beratkan aspek pembangunan sukan dan amat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor. Justeru itu, dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan untuk memastikan pembangunan sukan dapat dilaksanakan dengan baik, kemudahan sukan perlu disediakan untuk kegunaan latihan dan persiapan para atlet sebelum menyertai kejohanan dan juga untuk menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kesukanan.

Justeru itu, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9,500,000.00 yang merangkumi Kerja-kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Sultan Suleiman, Klang, Projek Membaikpulih kemudahan Dewan Gimnastik di Sekolah Yoke Kuan, Sekinchan dan Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Kompleks Stadium Shah Alam (KSSA).

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,240,000.00 untuk projek membaikpulih kemudahan sukan di Negeri Selangor termasuk peruntukan untuk membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang telah dinaikkan daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 kepada setiap DUN termasuk DUN Jeram yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

Untuk makluman, Kerajaan Negeri dari masa ke semasa mendapatkan data dan status semasa kemudahan sukan di Selangor dalam usaha untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat dinaiktaraf dan seterusnya digunakan untuk tujuan aktiviti sukan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun,

projek-projek pembangunan infrastruktur sukan akan diutamakan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang kritikal dan perlu dinaiktaraf segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan unit rumah Selangorku pelbagai jenis yang telah siap dan diduduki semenjak ia dilancarkan.
- b) Berapa unitkah sasaran Kerajaan Negeri untuk rumah Selangorku disiapkan sehingga tahun 2021?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2014 sehingga kini (31 Oktober 2018), sebanyak **6,303** unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci kepada pembeli. Perincian Rumah Selangorku mengikut jenis adalah seperti berikut:-

Jenis RSKU	Siap Dibina
Jenis A	-
Jenis B	890
Jenis C	3,653
Jenis D	1,760
JUMLAH	6,303

- b) Kerajaan Negeri telah mensasarkan sebanyak **20,386** unit Rumah Selangorku untuk disiapkan secara berperingkat sehingga tahun 2021. Ini melibatkan **39 fasa** pembangunan Rumah Selangorku di seluruh Negeri Selangor.

Tahun Sasaran Siap	Bilangan Projek / Fasa	Jumlah Unit
2018	10	4,496
2019	10	4,486
2020	5	3,372
2021	14	8,032
JUMLAH	39	20,386

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SEKOLAH TINGGI PERSENDIRIAN CINA

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekolah Tinggi Persendirian Cina di negeri ini kesuntukan dana. Adakah kerajaan mempertimbangkan saluran kewangan ditingkatkan dari setengah juta ke RM 1 juta untuk 4 sekolah tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menyalurkan peruntukan kepada empat (4) sekolah persendirian cina iaitu Sekolah Menengah Persendirian Chung Hwa, Sekolah Menengah Hin Hua, Sekolah Menengah Kwang Hwa dan Sekolah Menengah Pin Hwa telah menerima bantuan sebanyak RM500,000 setahun bermula pada tahun 2009 sehingga kini. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk meningkatkan peruntukan tersebut. Peruntukan bantuan sekolah akan diagihkan berdasarkan permohonan dan keperluan pihak sekolah untuk penyediaan infrastruktur yang leboh selamat dan kondusif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : DASAR PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)?
- b) Adakah garis panduan sediaada yang boleh dirujuk?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang supaya lantikan Pengerusi MPKK ini berjawatan kontrak?

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 telah bersetuju bahawa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) akan dijenamakan semula dengan nama baharu iaitu **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)**.

Selaras dengan keputusan tersebut, pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 19 September 2018 telah bersetuju untuk menggunakan nama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)** bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta – merta.

Pada ketika ini MPKK masih menggunakan garis panduan sedia ada daripada Kerajaan Negeri Selangor, iaitu Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor Darul Ehsan tahun 2001 dan keputusan - keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang masih berkuatkuasa.

Dalam pada itu, MMKN yang bersidang pada 19 September 2018 bersetuju supaya kajian dan penelitian semula terhadap garis panduan sedia ada perlu dilakukan dan kini ianya berada di peringkat akhir untuk memuktamadkannya. Pihak Kerajaan Negeri juga akan menyelaras garis panduan tersebut supaya ianya selari dengan tatacara / panduan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Kuasa dan urusan pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kekal di bawah Kerajaan Negeri manakala dasar dan tatacara pengurusan MPKK dikawalselia oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

- b) Pada ketika ini, pelantikan dan perihal yang berkaitan dengan perkhidmatan Ketua Kampung menggunakan **Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor sedia ada yang dikeluarkan pada tahun 2001** dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang berkuatkuasa.

Kerajaan Negeri kini dalam proses akhir membuat semakan dan penelitian terhadap Garis Panduan Dasar dan Peraturan Mengenai Pelantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi Negeri Selangor Bil. 1 / 2018 sebelum dibentangkan di dalam MMKN.

- c) Ketua Kampung adalah seorang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di Negeri Selangor. Pelantikan Ketua Kampung dibuat secara "*contract for service*". Ketua Kampung yang dilantik secara "*contract for service*" bukan merupakan anggota perkhidmatan awam. Justeru itu, mana-mana kelayakan dan peraturan yang terpakai untuk penjawat awam tidak terpakai ke atas Ketua Kampung.

Seterusnya seseorang yang dilantik untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Kampung Tradisi juga akan menyandang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) secara automatik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERUMAHAN

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kerosakan bumbung dan pemendapan tanah di Flat Taman Teluk Gedung Indah Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Pada 1 Mac 2018 satu lawatan tapak bersama Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur serta cawangan Kejuruteraan Geoteknik telah dijalankan bagi menjalankan siasatan awal terhadap kerosakan yang berlaku di Pangsapuri Telok Gedung Indah, Klang. Pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur mengesyorkan supaya melantik juruperunding sivil dan struktur bagi membuat penilaian struktur secara menyeluruh ke atas komponen struktur dan sivil serta anggaran kos pembaikan. Bagi JKR Cawangan Kejuruteraan Geoteknik pula mencadangkan supaya menjalankan satu kerja penyiasatan tanah (S.I), *borehole* (2 Nos.) bagi menentukan mendapan yang telah berlaku dan baki mendapan yang dijangka berlaku. Anggaran kos bagi kerja penyiasatan tanah yang dicadangkan ini adalah sebanyak RM30,000.00.